

<b>Headline</b>	<b>Malaysia bakal menjadi peneraju sukuk global</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Date</b>	<b>12 Oct 2016</b>	<b>Readership</b>	<b>563,000</b>
<b>Circulation</b>	<b>171,663</b>	<b>Page No</b>	<b>18</b>
<b>Section</b>	<b>Ekonomi</b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>175 cm<sup>2</sup></b>		
<b>PR Value</b>	<b>RM 10,376</b>		



## Malaysia bakal menjadi peneraju sukuk global

**KUALA LUMPUR 11 Okt.** - Malaysia akan muncul sebagai peneraju sukuk global dan berupaya menjadi rujukan kepada negara-negara lain dalam melaksanakan sistem kewangan Islam.

Pengurus Bahagian Penyelidikan Kewangan dan Ekonomi Islam, Pusat Latihan dan Penyelidikan Islam (RTI), Kumpulan Bank Pembangunan Islam (IDB), Prof. Dr. Abdul Ghafar Ismail berkata, ini berdasarkan kepada tiga kekuatan yang dimiliki Malaysia iaitu amalan pengurusan terbaik, undang-undang kawal selia dan sumber manusia.

Katanya, Malaysia boleh menggunakan kepakaran yang ada untuk membantu negara-negara di rantau lain terutama Afrika yang semakin agresif ke arah penerbitan sukuk sebagai alternatif meningkatkan perolehan disebabkan kelembapan harga minyak global.

Ujarnya, Indonesia juga dijang-

ka menjadi pengeluar sukuk global terbesar selepas Malaysia bagi membiayai projek infrastruktur dan sistem pengangkutan di negara itu.

"Saya melihat negara-negara Afrika seperti Kenya, Senegal dan Nigeria amat memerlukan khidmat nasihat dari segi peraturan, undang-undang dan penyerapan amalan terbaik serta kekuatan sumber manusia untuk menyokong perkembangan industri perbankan Islam.

"Dalam hal ini, ia menyediakan peluang kepada pakar-pakar kewangan Islam negara untuk memberi sumbangan mereka kepada negara luar yang memerlukan sekali gus menjadikan Malaysia sebagai pusat rujukan bagi penerbitan sukuk dan kewangan Islam," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Persidangan Antarabangsa

Ekonomi dan Kewangan Islam kali ke-11 di sini hari ini.

Menurut laporan bertajuk 'Sukuk Kedaulatan Global: Terbitan Sukuk Kekal Stabil di Tengah-tengah Kelembapan Terbitan Sukuk' yang dikeluarkan Moody's semalam, Malaysia dan Indonesia akan menguasai sebahagian besar aliran terbitan sukuk di rantau Asia Tenggara yang mencapai AS\$28 bilion (RM116.3 bilion) tahun ini.

Ketika ini, Malaysia mengeluarkan 70 peratus daripada terbitan sukuk global.

Menurut Abdul Ghafar, dari segi tarikan pelabur, penarafan yang diberikan oleh badan penarafan antarabangsa mungkin memberi kesan kepada terbitan sukuk kerajaan.

"Bagaimanapun, bagi sukuk yang diterbitkan pihak swasta pula ia tidak mempunyai kaitan secara langsung kerana bergantung kepada prestasi syarikat. Sertakat ini, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Petronas merupakan antara pengeluar sukuk swasta terbesar di Malaysia," katanya.



**ABDUL GHAFAR ISMAIL**